

# Semua kecam sikap angkuh Duta Russia

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Tindakan Duta Besar Russia di sini, Dr. B. T. Koulik menolak nota bantahan Barisan Pemuda Malaysia mengenai ugutan hendak mengancam keselamatan dan kedaula-

tan rantau ini dikecam oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Kecaman terhadap Duta Besar Russia itu dikemukakan menerusi Pergerakan Pemuda Umno, Bahagian dan cawangan Umno, parti-parti politik termasuk parti pembangkang dan badan-badan belia.

Pemimpin-pemimpin bahagian dan cawangan Umno menggesa Kerajaan mengusir Dr. Koulik dari negara ini.

Beberapa Bahagian Umno, cawangan dan persatuan-persatuan belia mensifatkan tindakan Duta Besar Russia itu sebagai biadab dan tidak boleh dimaafkan.

Mereka mensifatkan tindakan itu menggambarkan sikap angkuh negara kuasa

besar itu terhadap negara-negara kecil.

Pemimpin-pemimpin Bahagian dan cawangan Umno mensifatkan Dr. Koulik sebagai Duta yang tidak mempunyai budi bicara.

Parti Berjasa, telah mengemukakan usul dalam muktamar agungnya menyeru Kerajaan memutuskan hubungan diplomatik dengan Russia kerana sifat angkuh yang ditunjukkan terhadap negara-negara Asean berhubung dengan isu pencerobohan Vietnam ke atas wilayah Thailand.

DAP Kedah mensifatkan Kedutaan Russia memaparkan sikap 'tebal muka' terhadap memorandum dari Barisan Pemuda yang membantah ancaman kuasa besar itu ke atas negara-negara Asean.

Presiden Majlis Belia Malaysia, Encik Tajul Rosli Tan Sri Ghazali Jawi akan mengetuai 10 orang untuk menghantar memorandum kepada Kedutaan Russia dan Vietnam esok mengenai bantahan terhadap kenyataan Encik Kapitsa di Singapura.

Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Negeri Kelantan, Encik Mohd Rozali Isohak berkata, pergerakan itu sedang menyusun rancangan untuk mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran di Kota Bharu tidak lama lagi.

Katanya, urusan mendapatkan kebenaran polis sedang diusahakan.